

12 SEP 2002

PERDANA MENTERI KUNJUNGI PRESIDEN SENEGAL

KUALA LUMPUR, 12 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melakukan kunjungan hormat kepada Presiden Senegal Abdoulaye Wade sempena lawatan rasminya ke negara ini.

Dr Mahathir yang tiba di hotel penginapan Abdoulaye pada pukul 11.30 pagi, meluangkan masa selama 30 minit dengan presiden itu.

Kedua-dua pemimpin itu dijangka mengadakan pertemuan secara tertutup petang ini, diikuti mesyuarat delegasi antara kedua-dua negara di Putrajaya.

Abdoulaye yang mengetuai delegasi 28 anggota, tiba di sini semalam bagi melakukan lawatan rasmi tiga hari ke negara ini.

Ini merupakan lawatan pertama Abdoulaye ke Malaysia.

-- BERNAMA

MUN AFY NMO